

RIMBA HITAM
Black Laughingthrush

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Garrulax lugubris*

CIRI-CIRI

Individu dalam kumpulan ini mempunyai paruh dan kaki yang kuat dan ekor yang panjang. Biasanya, spesies ini ditemui secara berpasangan atau kumpulan kecil. Individu dewasa mempunyai keseluruhan bulu berwarna hitam. Pada sekeliling mata, terdapat bahagian yang berwarna putih kebiruan manakala paruhnya berwarna merah jingga. Individu juvenil pula mempunyai warna bulu yang lebih coklat dan pudar, terutamanya pada bahagian sayap dan belakang bahu. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 25.5 sm-27 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada kumbang, lalat dan serangga lain, siput, lintah, buah-buahan, madu pada bunga dan biji-bijian yang diperolehi di celah-celah daun di atas tanah.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp dan hutan sekunder sehingga ke ketinggian 800 m-1, 500 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *huup-huup-huup...* dan *okh-okh-okh-okh-okh* yang kuat, disertai bunyi *awh* dan *aak*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Oktober hingga November. Individu betina boleh menghasilkan dua biji telur dalam sarang yang berbentuk seperti cawan.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.